



PARA peserta beramah mesra dengan masyarakat Kemboja pada program misi A Step for Changes Across the Mekong di Kampung Ampel, Kemboja baru-baru ini.

Pelajar USIM bantu rakyat Kemboja

BERBAKTI. Seramai 18 pelajar Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan menyertai program sukarelawan A Step for Changes Across the Mekong di Kemboja baru-baru ini.

Program selama seminggu yang dijayakan bersama Al-I'tisam Relief Programme itu adalah bagi

membantu masyarakat Islam di Kampung Ampel, Kemboja yang dilanda banjir besar.

Antara aktiviti yang diadakan termasuk kursus menjahit, pemeriksaan kesihatan, kelas al-Quran, gotong-royong dan agihan sumbangan daripada syarikat korporat, individu dan pertubuhan bukan kerajaan.